



Majikan wajar membenarkan pekerja BDR

Ekhwan Haque Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Majikan wajar membenarkan pekerja kembali bekerja dari rumah (BDR) susulan lonjakan varian Omicron Covid-19 ketika ini.

Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani berkata, ada sesetengah majikan yang tidak boleh mengimplementasikan cadangan itu khususnya membabitkan operasi.

Beliau berkata, majikan juga boleh membuat pembahagian tugas jika keadaan memerlukan.

"MTUC berpendapat BDR boleh memberi kesan kepada syarikat yang memfokuskan perkhidmatan dan operasi.

"Namun jika BDR tidak menjejaskan operasi maka majikan juga boleh mempertimbangkan cadangan itu," katanya ketika dihubungi tadi.

Beliau berkata, dalam keadaan penularan Covid-19 kini, keperluan BDR masih tidak mendesak namun majikan perlu bersedia.

Katanya, pemakaian prosedur operasi standard (SOP) yang ketat diyakini boleh mengawal penularan wabak virus Covid-19.

"Keadaan penularan kini, ia masih terkawal dan keperluan BDR masih boleh dijadikan pilihan majikan.

"Apa yang penting kini semua pihak perlu memastikan pematuhan SOP dipatuhi supaya tiada penularan berlaku dalam kalangan pekerja," katanya.

Kementerian Kesihatan (KKM) sangat menggalakkan majikan di negara ini meneruskan dasar BDR bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat untuk pekerja.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin kelmarin dilapor berkata, kementerian juga menggalakkan sistem penggiliran kehadiran ke pejabat ketika kes Covid-19 semakin meningkat berikutan jangkitan varian Omicron.

Disiarkan pada: Februari 8, 2022